

Mangsa bah meningkat



Mangsa banjir di Kampung Bukit Tadam, Sepang mengawasi anak mereka yang bermain air.

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa banjir terus meningkat semalam dengan kes terbaru membabitkan lima sekeluarga dipindahkan di Marudi, Sarawak selepas rumah mereka dinaiki air.

Ini menjadikan keseluruhan 1,565 mangsa ditempatkan di 11 pusat pemindahan setakat ini di Selangor, Johor, Perak, Melaka dan Sarawak.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaporkan Selangor masih mencatatkan jumlah mangsa teramai dipindahkan iaitu 1,312 diikuti Johor (143), Melaka (60) dan Perak (45).

Di Selangor, antara kawasan masih ditenggelami banjir ialah

Kampung Seri Makmur di Bestari Jaya, Kuala Selangor; Jalan Kebun dan Bukit Changgang di Kuala Langat, selain Dengkil, Sepang.

Malah, tujuh pusat pemindahan masih beroperasi di negeri terbabit dengan sebahagian besarnya terletak di Kuala Langat yang dikenal pasti lokasi paling teruk terjejas dalam banjir kali ini.

"Sungai Langat terus mencatatkan bacaan melebihi paras amaran dalam tempoh 24 jam hari ini (semalam) berikutan hujan lebat, sebahagian besarnya di Kuala Langat yang dikenal pasti lokasi paling teruk terjejas dalam banjir kali ini," katanya.